



29 Januari 2015  
29 January 2015  
P.U. (A) 13

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2) 2015

### *FEDERAL ROADS (EAST COAST EXPRESSWAY-PHASE 2) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959**

**PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2) 2015**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Terengganu, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Lebuhraya Pantai Timur-Fasa 2) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 29 Januari 2015.

**Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan**

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Pantai Timur-Fasa 2 yang bermula dari kilometer 250.620 di koordinat U+88993.651000, T+245032.711000 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 433.977 di koordinat U+243442.227735, T+213048.376897 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), termasuklah Persimpangan Bertingkat Cheneh, Persimpangan Bertingkat Cukai, Persimpangan Bertingkat Kijal, Persimpangan Bertingkat Kertih, Persimpangan Bertingkat Paka, Persimpangan Bertingkat Kuala Dungun, Persimpangan Bertingkat Bukit Besi, Persimpangan Bertingkat Ajil, Persimpangan Bertingkat Telemung, Persimpangan Bertingkat Kuala Terengganu dan jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 183.357 kilometer diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

**Pembatalan**

3. Perintah Jalan Persekutuan (Lebuhraya Pantai Timur-Fasa 2) 2014 [P.U. (A) 314/2014] dibatalkan.